

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ HAJI SHEIKH FADZIL [KULIM BANDAR BARU]

SOALAN : Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek Kementerian bagi memastikan bekalan makanan yang dihasilkan para petani dalam negara mencukupi untuk menampung permintaan tempatan.

JAWAPAN

Kementerian telah merangka beberapa perancangan jangka masa pendek bagi memastikan bekalan makanan yang dihasilkan para petani dalam negara mencukupi untuk menampung permintaan tempatan melalui :-

- i) pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian;
- ii) penggunaan tanah pertanian secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri;
- iii) pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 100,000 hektar dibangunkan khususnya bagi tanaman padi dan lain-lain aktiviti pertanian;
- iv) pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan (7,211 hektar) dan Rompin (3,094 hektar) di Pahang, Batang Lutar (5,100 hektar) di Sarawak dan Kota Belud (8,500 hektar) di Sabah sebagai jelapang padi Negara yang baru. Dengan pembukaan empat (4) IADA baru seluas 23,905 hektar ini, pengeluaran padi negara

- akan dapat ditingkatkan, kadar import beras dari Negara luar dapat dikurangkan seterusnya tahap sara diri (SSL) beras iaitu 71.7% ketika ini turut dapat ditingkatkan;
- v) penumpuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antara bidang tumpuan R&D meliputi pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau. Antara penemuan terbaru R&D adalah pembangunan teknologi padi “Aerob” iaitu teknologi baru tanaman padi tanpa air bertakung;
 - vi) pembangunan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan. Ia akan dilaksanakan melalui projek-projek seperti Projek Terminal Makanan Negara (TEMAN), Program Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Program Keusahawanan Agrobazaar Kedai Rakyat dan Motosikal Roda Tiga serta Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) di seluruh Negara; dan
 - vii) penglibatan aktif pihak swasta dalam menjana peningkatan pengeluaran makanan dalam negara akan terus digalakkan dengan perluasan insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan TEKUN dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) statistik terkini pelajar asing di Malaysia mengikut Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta; dan
- (b) sumber kewangan pelajar asing untuk membiayai yuran dan kos sara hidup mereka di Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Statistik pelajar asing di Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun berakhir 2013 adalah seramai 28,837 orang. Manakala sehingga 1 Mei 2014 seramai 50,834 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- (b) Sumber kewangan pelajar asing yang belajar di Malaysia adalah daripada berasrama Kerajaan masing-masing, perbelanjaan sendiri dan terdapat juga IPTA yang menawarkan berasrama kepada pelajar antarabangsa berdasarkan kelayakan.